

Dr Mahathir ketua rakyat tanam 100,000 pokok dalam seminit

BH 16 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Ahad - Tan Zoo Taiping.

Datuk Seri Dr Mahathir hari ini mengetuai rakyat Malaysia menyanam usaha menanam 100,000 Pokok Alaf Baru 2000 yang berjaya mencatatkan rekod dalam *Guinness Book of Records*.

Perdana Menteri mengetuai acara itu di Taman Bukit Jalil di sini dengan menanam sebatang pokok kapur atau nama saintifiknya *dryobalanops aromatica* tepat pada jam 9.35 pagi.

Sebanyak 100,000 pokok daripada 30 spesies ditanam serentak di seluruh negara dalam masa satu minit sempena Hari Habitat Sedunia 2000.

Kejayaan itu mengatasi rekod *Guinness Book of Records* yang dicipta di Brazil iaitu menanam 24,199 pokok dalam tempoh seminggu di Sao Paulo pada April 1996.

Di TAIPING, Perak berjaya mencatat rekod negeri paling banyak menanam pokok membabitkan 12,000 pokok pelbagai spesies di Taman Tasik Taiping, di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri, Tajol Rosli Ghazali mengetuai lebih 4,000 rakyat merangkumi kakitangan jabatan kerajaan, pelajar, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta dalam kempen bersejarah itu.

Tajol menyempurnakan tanaman pokok jenis Samanea-Saman, di suatu lokasi tepi jalan di Taman Tasik Taiping, berhampiri

"Langkah penanaman ini bukan sahaja menambah keindahan persekitaran tetapi juga menjadikan kawasan bandar lebih selesa didiami.

"Malah pokok hijau juga boleh melindungi pemandangan tidak menarik, menahan hakis, merendahkan suhu, penunjuk arah dan pelbagai lagi termasuk menjadi lanskap menarik," katanya.

DI JOHOR BAHRU, MENTERI Besar, Datuk Abdul Ghani Othman bersama warga bandar raya menyanam program menanam 1,035 pokok *Tacoma* di kawasan rizab Sungai Stulang, Jalan Stulang Darat, dalam masa satu minit.

Sempena program itu, sebanyak 11,500 batang pokok di tanam di seluruh negeri ini dalam usaha untuk menghijaukan negara.

Di PORT DICKSON, sebanyak 6,000 batang pokok ditanam di seluruh Negeri Sembilan yang dilancarkan oleh Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, di Jalan Sua Beting, dekat sini pagi ini.

"Kempen ini perlu disokong kerana dapat memecahkan rekod dunia dengan Malaysia sebagai negara pertama menanam 100,000 pokok serentak dalam tempoh seminit," katanya.

Di Malaysia, katanya, pembalakan dijalankan secara terancang dan kawasan hutan yang ditebang akan digantikan pokok baru. "Negara Barat sibuk ber-

cakap mengenai kepentingan menghijaukan dunia sedangkan negara mereka sudah gondol dan hanya tinggal sedikit hutan asli, sedangkan Malaysia selain hutan asli, ladang kelapa sawit dan getah turut menghijaukan negara," katanya.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mengetuai lebih 300 penduduk menanam 131 pokok jenis '*Tecoma Pentaphylla*' di padang terbuka di Bandar Air Itam, dekat sini.

Sebanyak 8,208 pokok membabitkan 92 lokasi seluruh negeri ditanam serentak sempena pelancaran Tanaman Pokok Alaf Baru di seluruh negara, hari ini.

Di SELANGOR, Menteri Besar Datuk Dr Mohd Khir Toyo berkata kerajaan negeri akan meningkatkan lagi pelaksanaan program menanam pokok di semua peringkat supaya visi Malaysia menjadi sebuah "Negara Taman" akan tercapai menjelang tahun 2005.

Dr Mohd Khir Toyo berkata, 12,548 pokok pelbagai jenis telah ditanam di 12 lokasi utama serentak dengan pelancaran program menanam pokok alaf baru yang dilancarkan oleh Perdana Menteri.

Di SARAWAK, seramai 30,000 penduduk negeri itu tampil menyanam program berkenaan dengan menanam lebih 9,000 pokok pada acara yang diadakan serentak di selu-

ruh negeri, pagi ini.

Upacara pelancaran acara itu bagi peringkat negeri dilakukan Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam, Datuk Amar James Wong Kim Min, di perkarangan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS).

Di perkarangan MBKS sahaja, seramai 2,061 orang daripada 111 persatuan terbabit dalam penanaman 500 pokok dari 48 spesis.

Upacara menanam pokok di Kuching turut diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bako dan di Jalan Bau/Kuching secara serentak.

Di Samarahan pula, upacara berkenaan diadakan di Masjid Baru Bahagian Samarahan, manakala di Miri berlangsung di Jalan Kampung Piasau Utara.

Di SABAH, Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, mengetuai kempen penanaman pokok bagi peringkat negeri di kawasan Dewan Serbaguna Pasir Putih, Putatan, yang terletak dalam daerah Penampang, dekat Kota Kinabalu, di sini.

Turut bersama Osu menanam pokok ialah Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Datuk Yahya Hussin; Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Musa Aman; Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Alias Ahmad dan Panglima 5 Briged, Brig Jen Datuk Khalid Saad.

Sebanyak 100 pokok ditanam di kawasan berkenaan manakala 1,900 pokok lagi ditanam di seluruh kawasan daerah Pe-

nampang, dan Datuk Bandar, Datuk Abdul Ghani Rashid pula, mengetuai kempen penanaman 1,500 pokok di kawasan sekitar bandaraya dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Secara keseluruhan, sebanyak 9,000 pokok ditanam di seluruh Sabah, serentak dengan Program Menanam Pokok Alaf Baru di seluruh negara.

Sementara itu, Di LABUAN, sebanyak 1,000 pokok ditanam di kawasan seluas 56 hektar di perkarangan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di sini.

Kempen itu diketuai Pengerusi Persatuan Pelancongan Labuan (LTA), Datuk Mohamad Omar Bledram mewakili Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman; dan turut disertai Pengarah Pentadbiran Labuan, Datuk Mohd Noor Mokhtar serta Pemangku Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Zainal Said.

Di KEPALA BATAS, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Yahaya Abdul Hamid mengetuai program kempen tanam pokok peringkat daerah Seberang Prai Utara (SPU) di perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah di Bertam dekat sini.

Sebelum itu, beliau merasmikan pelancaran program serta menyampaikan bantuan pokok kepada pemimpin masyarakat tempatan, termasuk Jawatan Kuasa Kemajuan dan Ke-

selamatan Kampung (JKKK), pertubuhan dan Persatuan Penduduk untuk ditanam di kawasan masing-masing.

Lebih 200 pemimpin, kakitangan kerajaan dan penduduk melaksanakan program menanam lebih 200 pokok itu serentak di perkarangan pejabat daerah itu serentak dengan penanaman yang dilancarkan di seluruh negara, hari ini.

Di samping itu, Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor mengetuai projek tanaman pokok di perkarangan Pejabat Masyarakat Penyayang Tasek Gelugor bersama kira-kira 100 pemimpin masyarakat dan penduduk tempatan.

Di KUALA TERENGGANU, kira-kira 3,300 pokok ditanam di seluruh Terengganu, termasuk 670 ditanam oleh pelajar dalam kawasan sekolah masing-masing, manakala 230 pokok ditanam di sekitar Teluk Ibai, di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ladang, Dr Sulaiman Abdullah, mengetuai 100 peserta, terdiri daripada kakitangan kerajaan dan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, dalam upacara menanam beberapa spesies pokok di Teluk Ibai.

Selain itu, 400 pokok ditanam di enam daerah di negeri ini iaitu Setiu, Hulu Terengganu, Marang, Kemaman, Besut dan Dungun.